

FAEDAH SALT

Penternak

Masyarakat

1. Ladang ternakan mendapat khidmat nasihat dan kawal selia berterusan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).
2. Pengiktirafan yang diterima menjadi petunjuk kepada tahap pengurusan dan sistem penternakan berkualiti yang diamalkan.
3. Ternakan dan hasilan keluaran ladang diperakui selamat, berkualiti dan bebas daripada penyakit.
4. Ternakan dan hasilan keluaran ladang mereka diiktiraf dan mempunyai daya saing yang lebih tinggi daripada segi pemasaran dan peluang pasaran untuk tempatan dan luar Negara.
5. Sebarang bayaran tidak dikenakan untuk perkhidmatan dan pensijilan kepada penternak yang memohon menyertai SALT.
6. Proses permohonan dan kelulusan dokumen

1. Pengamalan sistem penternakan yang baik dapat membantu pengawalan pencemaran persekitaran serta menjamin kesejahteraan dan kesejahteraan masyarakat setempat.
2. Hasil ladang yang dikeluarkan lebih terjamin kepada pengguna dimana kepentingan dan kesihatan pengguna dilindungi.
3. Pengamalan sistem yang baik memberi sumbangan yang ketara ke arah pencapaian taraf bebas penyakit serta peningkatan kualiti ternakan dan kesihatan awam.

eksport (permit dan sijil kesihatan veterinar) adalah lebih mudah dan cepat.

7. Ladang yang mempunyai SALT mendapat kelebihan untuk mengeksport.

8. Bagi membantu pengusaha dan penternak menyertai skim persijilan ini dan seterusnya mendapatkan pengiktirafan, DVS menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan berikut:

- a. Kod amalan penternak baik dan garis panduan GAHP yang relevan mengikut ladang ternakan.
- b. Khidmat nasihat sistem pengurusan penternakan yang baik bermula daripada peringkat awal penubuhan ladang ternakan.
- c. Rundingcara seterusnya untuk penambahbaikan dan peningkatan taraf amalan penternakan yang baik bagi mencapai piawaian dan syarat pengiktirafan akreditasi SALT.
- d. Rundingcara dan khidmat nasihat penyediaan manual program kepastian kualiti (QAP).
- e. Khidmat pemantauan dan kawalselia DVS secara berterusan melalui *surveillance audit* dan semasa ke semasa dan *review audit* setiap satu tahun sekali.